

## **MAKLUMAN TERKINI PTPTN (12 JANUARI 2012)**

Dimaklumkan bahawa pelajar Politeknik yang terlewat untuk menghantar permohonan selepas tarikh tutup permohonan kelompok kedua iaitu pada 30 Disember 2011, adalah dimohon pelajar-pelajar Politeknik tersebut **menghantar permohonan selewat-lewatnya pada 30 Januari 2012**. Dimaklumkan juga pelajar yang menghantar permohonan **mulai 01 Januari 2012** adalah diwajibkan untuk **membuka akaun SSPN, oleh itu sekiranya pelajar memohon tanpa membuka akaun SSPN permohonan tersebut akan ditolak**. Begitu juga bagi pelajar-pelajar yang permohonan mereka ditolak ketika sesi kutipan surat tawaran perlu memohon dengan segera selepas permohonan mereka dibatalkan.

**Proses permohonan ini adalah yang terakhir dan selepas ini tidak akan ada lagi laluan khas. Sekiranya masih ada aduan daripada pelajar selepas 30 Januari 2012, pelajar boleh memohon tetapi permohonan tersebut akan diproses pada semester depan.**

Bermula sesi Disember 2012, permohonan pelajar perlu mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh PTPTN. Kelewatan pelajar memohon akan menyebabkan permohonan pelajar tidak dapat diproses. Tarikh permohonan 30/1/2012 ini juga akan dipaparkan di dalam laman web PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**UNIT BIASISWA DAN PINJAMAN  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**